

Sastera perlu hijrah ke platform digital

Transformasi pastikan karya terus segar untuk tatapan generasi muda



Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Seiring perkembangan semasa, karya sastera harus turut bergerak dalam nada yang sama dengan diketengahannya atau dipindahkan kepada platform digital bagi memastikan ia terus segar khususnya dalam kalangan generasi muda.

Tidak boleh tidak, transformasi itu sememangnya diperlukan namun dalam masa 'keghairahan' meneroka platform digital, empat unsur sastera yang baik iaitu epistemologi, pedagogi, estetika dan etika harus dikekalkan.

Terbuka dengan peralihan itu, Sasterawan Negara ke-10, Datuk Dr Anwar Ridhwan, berkata lebih menarik jika karya sastera yang diketengahkannya melalui platform digital turut ditambah nilai dengan memasukkan elemen audio dan visual.

Beliau berkata, penjenamaan semula adalah penting dalam perubahan persekitaran terhadap ekonomi, institusi, sosial, pasaran dan teknologi kerana ia menjadi penentu bagi sesebuah institusi atau karya sastera itu sendiri sama ada untuk terus hidup atau berisiko 'bungkus'.

"Saya terbuka dalam hal ini kerana sedar bahawa zaman dan gaya sudah berubah, kalau berpegang sistem lama ia tidak membawa kita ke mana-mana. Apa yang harus ditekankan ialah bagaimana kita nak mengekalkannya.

"Bahan bercetak kini sambutannya menurun bukan sahaja buku, namun akhbar dan jurnal. Kita harus menghadapi realiti bahawa yang bercetak bilangannya berkurangan walaupun mungkin tidak terhapus. Justeru, kita harus beralih dan mempertahankan

penggunaan bahasa sastera yang baik," katanya.

Anwar berkata, sastera yang baik diukur daripada bagaimana pengarang mengolah idea yang menarik dengan menerapkan beberapa elemen pembina naratif. Ia juga dikemaskan dengan penggunaan gaya bahasa sastera yang berkesan bagi keseluruhan karyanya sampai kepada emosi dan pemikiran pembaca.

Beliau turut percaya, sebuah karya sastera yang baik tidak akan karam tenggelam dan wajar dipindahkan ke platform digital supaya generasi muda boleh menikmatinya.

Apatah lagi katanya, kenyaataan yang harus diterima kini bahawa sambutan penerbitan bercetak sedang mengalami zaman gerhana yang memerlukan transformasi walaupun masih ada segelintir khalayak yang tetap memilih penerbitan dalam bentuk buku.

Muncul karya sastera digital

"Untuk pembacaan sastera terus berkembang, selain penerbitan bercetak, sudah sampai masa penulis dan penerbit beralih ke penerbitan digital yang menggabungkan teks, audio dan video.

"Harapan saya suatu hari

nanti akan muncul karya sastera digital bermutu tinggi yang kekal mempertahankan unsur epistemologi, pedagogi, estetik dan etika di dalamnya dengan khalayak boleh memperkaya pengalaman dan pengetahuannya.

"Sejak ratusan tahun lalu, karya sastera bercetak sudah tersebar dan dibaca, tetapi kini teknologi digital semakin berkembang. Dalam hal ini, tokoh pendidikan Amerika Syarikat, Marc Prensky, menyebut terdapat golongan *digital immigrant* dan *digital native*.

"Secara mudah, *digital immigrant* ialah golongan lebih berusia, yang belum biasa dengan teknologi baharu, namun cuba mendatangi resam teknologi digital ini sementara *digital native* ialah generasi muda yang lahir ketika teknologi digital sudah wujud dan mereka menjadi pengguna tegarnya," katanya.

Harapannya kini sebagai individu yang hampir 50 tahun berkecimpung dalam arena sastera supaya karya bentuk baharu yang bakal muncul ini walaupun mungkin ringkas teksnya, namun gaya bahasa dan mesej harus disampaikan sebaik mungkin.

Ditanya berhubung kehadi-

ran pelapis, beliau yakin potensinya adalah besar dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga hingga empat tahun lagi dengan inisiatif diperkenalkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) sejak Januari lalu.

Beliau berkata, KMK boleh menjadi platform baharu dalam menarik minat anak muda terhadap sastera apatah lagi ia menekankan pengalaman langsung pelajar terhadap nilai estetika dan kreativiti, sekali gus mendorong murid untuk berkarya kreatif.

"Pendidikan sastera dalam tempoh beberapa tahun lalu agak mengecewakan kerana dianggap pilihan terakhir, namun dengan adanya KMK yang berbeza dengan subjek kesusasteraan sebelum ini, saya percaya ia berupaya melahirkan pengarang pelapis daripada pendidikan khusus ini selain yang datang daripada bukan aliran sastera.

"Selain itu, di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) menunjukkan pelajar yang akan menyertai Fakulti Penulisan Kreatif tahun ini lebih ramai berbanding tahun lalu. Saya kira ia memberi

isyarat yang baik berhubung minat mereka terhadap sastera, seni dan budaya.

"Tugas kami bukan sekadar memberi teori penulisan pelbagai genre kepada mereka, tetapi lebih penting menyediakan mereka sebagai karyawan kandungan kreatif dalam industri kreatif yang pesat berkembang di negara kita," katanya.

Digital native

Anwar berkata, Malaysia juga tidak kurang dalam melahirkan pengarang muda berbakat. Golongan ini disaran untuk terus menulis, menambah pengalaman dengan membaca karya bermutu sama ada asli atau terjemahan selain menjalinkan kerjasama baik dengan editor.

"Anda *digital native* dan khalayak anda juga *digital native* maka lihat dan pelajarilah teknik penghasilan karya kreatif digital yang bagus dari dalam dan luar negara, selain mencipta karya sastera digital secara berkolaborasi dengan rakan yang mahir dalam bidang seni audio, video, grafik dan animasi," katanya.

Beliau berkata, dalam melahirkan lebih banyak pelapis, adalah penting bagi memastikan mereka mempunyai 'tuan' dengan agensi tertentu termasuk Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sendiri harus memainkan peranan.

Katanya, peranan badan berkaitan harus diperkasakan kerana dengan penjenamaan semula pihak itu, ia mampu memberikan pulangan pelaburan (ROI) yang tinggi dari segi budaya seperti negara jiran, Indonesia lakukan melalui karya mereka yang sampai ke peringkat antarabangsa.



Untuk pembacaan sastera terus berkembang, selain penerbitan bercetak, sudah sampai masa penulis dan penerbit beralih ke penerbitan digital yang menggabungkan teks, audio dan video"

Anwar Ridhwan,
Sasterawan Negara

